



DPB50163 BUSINESS PROJECT

LAPORAN AKHIR

LAMAN SESAWANG NOTA RINGKAS PELABURAN ISLAM

NUR DALILAH BINTI SHAHIDAN	10DIB19F1013
NURUL NADHRAH BINTI MOHD ZAINI	10DIB19F1011
NORAMALIA SYUHADAH BINTI MOHD ZAMRI	10DIB19F1007
ADILAH BINTI HASAN	10DIB19F1052
ALIFAH ILLYANA BINTI ZULKEFLI	10DIB19F1054

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif kajian	4
1.5 Justifikasi kajian	4
1.6 Skop projek	5
1.7 Takrifan Istilah	5
1.8 Kepentingan Kajian	6
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	7
2.2 Kajian-Kajian Lepas	7
2.2.1 Kajian Berkaitan Pelaburan Islam	7
2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi Inovasi	8-10

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	11
3.2	Rekabentuk Kajian	11
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	11-14
3.2.2	Bahan Dan Peralatan	14-19
3.2.3	Kaedah Analisis Data	19-20

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	21
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	21
4.2.1	Projek Jenis Nya	21-23
4.3	Perbincangan (Kelebihan,Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	23
4.3.1	Impak Produk	23-24
4.4	Kos Penghasilan Projek	25

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	26
5.2	Kesimpulan	26
5.3	Cadangan	27
5.4	Limitasi Kajian	27
5.5	Rumusan	28

RUJUKAN	29
----------------	----

LAMPIRAN	30-35
-----------------	-------

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 Business Project**, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk **Laman Sesawang Nota Ringkas Pelaburan Islam** telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: ENCIK WAN MOHD RUSHDI BIN W.A. LAH

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *Dalilah*

Nama: NUR DALILAH BINTI SHAHIDAN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1013

2. Tandatangan: *Nadhirahzaini*

Nama: NURUL NADHRAH BINTI MOHD ZAINI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1011

3. Tandatangan: *Amaliya*

Nama: NORAMALIA SYUHADAH BINTI MOHD ZAMRI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1007

4. Tandatangan: *AdilahHasan*

Nama: ADILAH BINTI HASAN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1052

5. Tandatangan: *alifahillyana*

Nama: ALIFAH ILLYANA BINTI ZULKEFLI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1054

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk **Laman Sesawang Nota Ringkas Pelaburan Islam**, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek En. Wan Mohd Rushdi Bin W. A. Lah, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, Laman Sesawang Nota Ringkas Pelaburan Islam** bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaburan Islam adalah berdasarkan prinsip kewangan Islam dan bertujuan untuk memenuhi keperluan kewangan pelabur dengan cara yang jujur, adil, boleh dipercayai dan jujur serta memastikan pengagihan keuntungan yang lebih adil. Kesan daripada pendekatan pelaburan ini adalah untuk menjana pulangan pelaburan yang sangat kompetitif. Pelaburan islam tidak dapat dilakukan oleh semua pihak kerana mereka mempunyai masalah kefahaman tentang pelaburan islam. Selain itu, pihak pengkaji jugak telah menciptakan sebuah produk inovasi iaitu laman sesawang tentang nota ringkas pelaburan islam bagi membantu pelajar-pelajar di Politeknik Seberang Perai. Objektif utama iaitu supaya dapat mengenal pasti kesukaran, kemudahan dan penjimatan masa dalam kalangan para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah analisis SWOT. Kajian ini secara umumnya ditumpukan kepada pelajar kewangan dan perbankan islam di Politeknik Seberang Perai. Seterusnya, produk inovasi ini mempunyai nilai komersial yang tinggi terutama dalam penggunaan pelajaran. Tambahan pula, negara kini dilanda wabak covid-19 yang semakin menular. Hal ini menyebabkan kesukaran bagi para pelajar untuk mendapatkan nota pelaburan islam di luar sama ada di Perpustakaan atau kedai buku behampiran, dengan adanya produk inovasi ini, dapat membantu para pelajar untuk mendapatkan nota dengan mencari menggunakan telefon bimbit atau komputer riba sahaja. Akhir sekali, pihak pengkaji mengharapkan produk inovasi laman sesawang yang dicipta oleh pengkaji ini dapat memudahkan urusan pelajar-pelajar dalam mencari dan memahami tentang pelaburan islam dengan lebih jelas.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar politeknik kursus Kewangan dan Perbankan Islam yang kurang kefahaman dan kekurangan nota ringkas mengenai Pelaburan Islam.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian tentang kurang kefahaman tentang pelaburan islam dikalangan pelajar kursus kewangan dan perbankan islam. Oleh itu, sistem laman sesawang ini akan dapat memberikan sumbangan yang amat besar dan dapat meringankan tugas dan memudahkan para pelajar mencari dan mengetahui lebih ringkas tentang pelaburan islam.

Laman sesawang ini adalah merupakan satu laman sesawang yang menyediakan nota dan penerangan ringkas tentang pelaburan islam. Laman sesawang ini menampilkan nota ringkas yang tersusun, kemas dan padat dengan isi terbaru. Fokus sasaran kajian ini adalah dikalangan pelajar politeknik kursus kewangan dan perbankan islam.

Objektif am kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesukaran,kemudahan dan penjimatan masa dikalangan para pelajar DIB. Seterusnya, objektif spesifik kajian adalah mengenal pasti masalah dalam mencari nota pelaburan islam dalam kalangan pelajar DIB. Selain itu, dengan kesediaan dan kewujudan laman sesawang yang interaktif ini,ianya memudahkan para pelajar mencari dan memahami secara ringkas dan menjimatkan masa dalam pencarian nota-nota tentang pelaburan islam.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dari sudut pandangan Islam, definisi pelaburan islam adalah satu aktiviti yang melibatkan penggunaan wang atau modal pada hari ini bersama-sama jangkaan dan harapan untuk mendapat pulangan yang menguntungkan pada masa akan datang yang berlandaskan syariah islam. Pelaburan Islam merupakan bidang yang amat digalakkan untuk diceburi umatnya kerana kebanyakan rezeki datangnya dari bidang tersebut. Perluasan konsep pada hari ini seperti pelaburan juga tidak pernah dilarang oleh Islam, asalkan unsur-unsur larangan di dalam Islam tidak diamalkan sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud :

“Allah menghalalkan segala kegiatan perniagaan dan mengharamkan apa saja bentuk kegiatan riba” (Surah Al-Baqarah 2: 275)

2= Surah ke 2

275= ayat ke 275

Pelaburan Islam adalah berasaskan prinsip kewangan Islam yang bertujuan untuk memenuhi keperluan kewangan pelabur dengan integriti dan secara adil, boleh dipercayai, jujur dan memastikan pengagihan keuntungan yang lebih adil. Justeru, Pelaburan memberi banyak faedah kepada pengguna dana pelaburan secara khusus dan juga masyarakat secara umum. Di samping itu, ia juga memberi keuntungan kepada para pelabur itu sendiri, sama ada sebagai individu atau organisasi seperti syarikat dan perbadanan.

Pelaburan Islam pada asasnya menggunakan 2 konsep syariah iaitu Musyarakah dan Mudarabah. Secara umumnya, perkara-perkara yang perlu diketahui dan diutamakan dalam menjalankan aktiviti pelaburan adalah tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah seperti pembaziran, perjudian, unsur gharar dan lain-lain. Pelaburan islam bukan sahaja dinilai daripada keuntungan semata tetapi penekanan juga kepada aspek kebijakan dan sosial.

Namun begitu, masih ramai masyarakat dikalangan kita terutamanya umat islam di Malaysia kurang berminat dan faham serta ketidakpastian untuk melabur dalam pelaburan islam. Selain itu, Pelaburan Islam bukan sahaja sebagai pelaburan berpandukan agama, tetapi juga sebagai bentuk pelaburan beretika yang-menggalakkan aktiviti ekonomi serta meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Bahkan ianya merupakan fardhu Ain bagi setiap umat islam.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman pelajar dalam subjek Pelaburan Islam merupakan salah satu subjek yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar semester tiga. Pelajar perlulah menguasai subjek ini kerana ia merupakan pengetahuan asas kepada kewangan islam. Namun, pelajar mestilah mengetahui subjek ini kerana pelaburan merupakan satu wasilah yang sihat bagi memperoleh keuntungan dalam usaha untuk membentuk sistem kewangan islam yang adil, boleh dipercayai dan jujur. Tambahan pula, dalam meniti era teknologi tinggi ini, penglibatan serta sumbangan pelabur-pelabur untuk menggerakkan ekonomi sesuatu negara ke tahap yang lebih tinggi amat diperlukan. Jadi, pelajar dari kursus Kewangan dan Perbankan Islam perlu mengambil berat mengenai subjek Pelaburan Islam.

Secara zahirnya, permasalahan yang timbul adalah akibat daripada kekaburuan fahaman tentang konsep pelaburan Islam oleh pelajar kursus dari Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Hal ini kerana, pelajar menghadapi kekurangan nota yang mudah difahami dan ketiadaan model yang realistic. Hal ini telah menyukarkan para pelajar Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Politeknik Seberang Perai sukar memahami subjek Pelaburan Islam. Oleh itu, pelbagai langkah diambil bagi mengatasi masalah ini.



Kuala Lumpur: Kurang pengetahuan berkaitan ilmu pelaburan serta tidak mengetahui aktiviti perniagaan syarikat yang dilabur mengakibatkan ramai rakyat di negara ini kerugian kerana terpedaya dengan janji manis ditawarkan penipuan pelaburan haram dan skim cepat kaya.

Presiden Pelabur Strategik Melayu Malaysia (PSMM) Norizam Tukiman berkata, atas kesedaran itu pentingnya semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan serta agensi berkaitan pelaburan berganding bahu menganjurkan program seperti ekspo, kursus serta seminar dengan lebih kerap supaya masyarakat tidak tersalah pilihan melabur.

Rajah 1.1 Keratan Akhbar

Dengan adanya projek inovasi yang bakal dihasilkan daripada kajian ini, dapat memudahkan lagi pelajar memahami dan membuat nota sendiri dalam subjek Pelaburan Islam.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

Projek ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesukaran , kemudahan dan penjimatan masa di kalangan para pelajar DIB. Tambahan pula, bentuk pelaburan yang penuh beretika dapat menggalakkan aktiviti ekonomi yang diingini oleh masyarakat. Seterusnya, pengkaji dapat mengenal pasti masalah dalam mencari nota pelaburan islam dalam kalangan pelajar DIB. Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan untuk mencipta sebuah laman sesawang yang baru bagi mudah untuk pelajar mengakses laman sesawang tersebut serta mempercepatkan carian nota-nota pelaburan islam. Para pelajar dapat mencari ilmu baru dengan mudah , ini dijangka dapat menarik minat pelajar kerana mereka tidak hanya perlu membaca melalui buku-buku sahaja.

1.5 JUSTIFIKASI KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji pemilihan tentang sistem pelaburan islam dapat memberi pendedahan secara terbuka dengan lebih lanjut kepada para pelajar kursus DIB. Hal ini kerana, seluruh pelajar kursus DIB berkait dengan subjek pelaburan islam yang diambil serta diwajibkan untuk mempelajari kaedah dan tatacara tentang pelaburan islam.

Dengan Adanya kewujudan laman web ini, pelajar DIB akan lebih arif dengan lebih mendalam mengenai pelaburan islam serta dapat mendedahkan informasi terkini kepada pihak orang ramai.

- a) **Justifikasi pemilihan pelaburan islam** terdiri daripada pelbagai jenis seperti pelaburan emas, pelaburan amanah saham, pelaburan hartanah dan pelaburan islam yang lain.
- b) **Justifikasi pemilihan pelaburan islam menggunakan kaedah analisis SWOT/analisis keperluan serta kepenggunaan**

Berdasarkan pemilihan projek ini, kumpulan pengkaji telah membuat analisa iaitu analisis “Swot”mengenai pelaburan islam untuk menemukan aspek-aspek penting dari segi kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman di dalam suatu kajian projek. Melalui penghasilan projek

ini, kumpulan pengkaji menemukan kekuatan iaitu kupasan tentang informasi terkini mengenai pelaburan islam yang diperoleh oleh pengkaji bagi menerangkan kepada kalangan pelajar DIB kurang faham. Namun terdapat kekurangan atau kelemahan dari segi penerangan Informasi. Informasi yang dibawakan oleh kumpulan pengkaji hanya fokus secara umum tentang pelaburan islam bagi menerangkan secara ringkas dan padat mengenai Pelaburan Islam. Sehubungan itu, Projek ini dapat memberi peluang kepada target pengguna iaitu dalam kalangan pelajar DIB berpeluang menggunakan aplikasi yang menarik sebagai platform menerangkan tentang pelaburan islam secara ringkas serta isi yang padat. Justeru, bukan kumpulan pengkaji sahaja yang merangkan mengenai pelaburan islam melalui projek ini, bahkan terdapat pihak pengkaji lain juga telah menerangka dengan lebih mendalam mengenai pelaburan islam secara terperinci bagi sesuatu pelaburan islam menggunakan platform mengikut kreativiti masing-masing.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang pelaburan yang membincangkan berkaitan isu masalah kesukaran mencari nota pelaburan di kalangan pelajar DIB . Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada tiga objektif utama. Pertama, memperkenalkan kepada pelajar tentang ilmu pelaburan. Kedua, supaya dapat meringankan beban pelajar mengumpul nota yang dicari. Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab objektif ketiga iaitu mencadangkan untuk mencipta satu cara yang mudah bagi pelajar memahami maksud pelaburan. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi pelaburan islam. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

Pelaburan Islam adalah berasaskan prinsip kewangan islam, yang bertujuan untuk memenuhi keperluan kewangan pekarur secara intergriti dan secara adil. Pelaburan Islam mula dilihat bukan sahaja sebagai pelaburan berpandukan agama, tetapi juga sebagai bentuk pelaburan beretika yang menggalakkan aktiviti ekonomi yang diingini oleh masyarakat.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini difokuskan kepada pihak utama iaitu pelajar kursus DIB. Hal ini kerana, pelajar kursus DIB akan mempelajari subjek Pelaburan Islam pada semester 3. Dengan adanya laman sesawang tentang nota subjek Pelaburan Islam, perkara ini akan memudahkan pelajar kursus DIB mencari nota-nota tentang pelaburan islam dengan mudah dan dapat memahami dengan lebih mendalam.

Kepentingan kajian yang kedua ialah kepada orang ramai. Orang ramai juga boleh menggunakan laman sesawang berikut untuk memahami tentang pelaburan islam. Manfaat yang dapat diperolehi oleh orang ramai ialah lebih teliti dalam pelaburan islam, dapat membezakan cara pelaburan islam dan pelaburan konvensional, dapat mengawal perbelanjaan harian secara konsisten, dan lain-lain. Oleh itu, dengan adanya laman sesawang, ia dapat memberikan impak yang besar kepada orang ramai untuk berminat dengan pelaburan islam.

Yang terakhir sekali, kepentingan kajian ini adalah untuk pengkaji yang akan datang. Pengkaji yang akan datang boleh melihat laman sesawang ini untuk meneliti dengan lebih lanjut tentang pelaburan islam dan dapat menerokai idea yang lebih baik untuk golongan pelajar kursus DIB pada masa yang akan datang. Kesimpulannya, pengkaji tersebut dapat memahami dengan secara mendalam dan mudah pada masa kini dengan peredaran teknologi yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkut paut dengan topik kajian ini, iaitu Pelaburan Islam. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan Pelaburan Islam.

2.2.1 Kajian Berkaitan Pelaburan Islam

Terdapat lima kajian berkenaan pelaburan yang ditemui oleh penyelidik kajian oleh Datuk Seri Mustapa Mohamed (2016) Malaysia dikatakan antara Negara yang mengekalkan pelaburan yang sangat kompetitif. Tahun 2016 dijangka menjadi satu tahun yang lebih mencabar tetapi dipercayai dapat ditangani terutama dengan aliran masuk berterusan pelaburan asing ke dalam negara.

Seterusnya, menurut Dr Masturah Ma'in (Pensyarah Ekonomi, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)) dan Izza Hazira Zailan (Pelajar Sarjana Ekonomi Perniagaan, UiTM (2017)) Pelaburan dalam modal insan boleh diukur dalam beberapa cara termasuk belanja dan latihan pendidikan, tahap pendidikan buruh dan pelaburan modal fizikal. Ini akan bantu meningkatkan prestasi firma. Pekerja yang ada pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan kecekapan diperlukan terutama dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa bertukar dengan cabaran ekonomi. Oleh itu, firma perlu menyedari modal insan dapat menguatkan produktiviti dan meningkatkan prestasi firma tersebut.

Di samping itu, Malaysia menunjukkan pelaburan berterusan dalam pendidikan sejak awal merdeka pada 1957. Pelaburan Kerajaan Persekutuan pada pendidikan rendah dan menengah pada 1980, direkodkan sebagai yang tertinggi di rantau Asia Timur. Ini menunjukkan kerajaan sangat komited dalam membangunkan pendidikan negara.

Selain itu, menurut Kenny Yee (2018), suasana pasaran saham serantau dan global bertukar suram kerana saham-saham mewah yang terjejas teruk telah mengheret Bursa Malaysia ke paras rendah. Pasaran saham yang tidak menentu dan harga minyak mentah yang turun naik. Perubahan kepimpinan kerajaan Malaysia yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam tempoh, 61 tahun, perubahan drastik kepimpinan dan ahli lembaga pengarah agensi dan syarikat berkaitan kerajaan, telah mendorong dana mengalir keluar ketika mereka berusaha memahami kedudukan masa depan negara dan ekonominya.

Disamping itu, menurut Tan Sri Abdul Wahid Omar (2019), Negara ini adalah tersenari dalam pasaran ketiga terbesar bagi produk kewangan Islam global dan penerbit sukuk yang terbesar di dunia. Malaysia menduduki tempat pertama dari segi dana Islam AUM dengan 34 peratus penguasaan global. Bursa Malaysia juga berjaya menguatkan kedudukan sebagai pemimpin global untuk penyenaraian dan pelaburan syariah.

Akhir sekali, menurut Muhd Farhan (2020), dunia saham telah berlakunya “pasaran bull” iaitu tempoh harga saham menaik, ramai yang terlepas peluang untuk mencipta kekayaan yang luar biasa disebabkan mereka kurang ilmu dan pengetahuan tentang pelaburan islam. Kesan daripada kurangnya ilmu pengetahuan ini menyebabkan mereka mudah terpedaya dengan pelbagai skim yang menjanjikan pulangan yang banyak setiap bulan.

2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi Inovasi

Terdapat lima kajian yang dijalankan berkaitan pelaburan Islam yang dipilih untuk dibincangkan dalam bahagian ini. Menurut Fadzilah Zakariya (2001). Penulis menulis dilaman sesawang beliau secara lebih terperinci tentang maklumat pelaburan. Pelaburan boleh dilakukan didalam islam kerana tidak mendatangkan kemudarat kepada pihak pelabur. Pengembangan harta boleh dilaksanakan mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan dan tidak bercanggah dengan ajaran islam. Pelaburan islam sebenarnya mempunyai bentuk dan kriteria-kriteria yang hampir sama dengan pelaburan secara konvensional tetapi terdapat

beberapa tambahan yang membezakan pelaburan secara islam dan perlu untuk dititikberatkan. Kriteria-kriteria yang membezakan pelaburan secara islam dan pelaburan secara konvensional seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohamad Sofee Razak (Peguambela & Peguamcara, Pesruhanjaya Sumpah, Peguam Syarie) (2007), beliau menerangkan tentang pasaran saham pada pandangan Islam. Dalam konteksnya, saham merupakan aktiviti pelaburan ekonomi jangka pendek dan panjang yang halal di mana segala urus niaganya adalah diharuskan oleh Islam. Beliau menerangkan tentang urus niaga saham berpandukan syariah dalam melakukan aktiviti perniagaan yang dilaksanakan. Ini adalah bersandarkan kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud :

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan oleh Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri Akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) dunia”. (Surah Al-Qasas 28:7)

28 = Surah ke 28

7 = ayat ke 7

Katanya lagi, saham yang dimiliki itu boleh diperjualbelikan sepetimana urus niaga muamalah yang lain.Urus niaga wajib dikenakan zakat perniagaan sebanyak 2.5%.

Selanjutnya, menurut Siti Hajar Kamarudin (2014), beliau telah menerangkan serba sedikit tentang pemahaman nota pelaburan islam di Eugenomics blogspot. Beliau hanya mengungkapkan serba sedikit tentang nota pelaburan islam dari segi definisi dan ciri-ciri pelaburan sahaja. Katanya lagi, hasil pelaburan itu tidak semestinya positif kerana risiko pelaburan adalah tinggi. Oleh itu, pelabur perlulah mendalami ilmu pelaburan sebelum melabur dalam sesuatu perkara. Hal ini untuk mengelakkan pelabur berpotensi besar untuk mengalami kerugian disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan tentang pelaburan islam.

Setakat tinjauan penyelidik, menurut Khir Khalid (2016). Perkongsian pada laman sesawang penulis adalah tentang asas pengetahuan halal haram kewangan Islam dan mengenalpasti jenis pelaburan patuh syariah yang disarankan dalam Islam. Penulis juga menyatakan jenis-jenis asas pelaburan syariah antaranya ialah melabur dalam diri sendiri, melabur dengan sedikit modal, melabur modal dan usaha kerja, buka bisnes dengan produk sendiri,melabur

dalam perniagaan orang, melabur dalam pegangan dan milikan saham dan melabur melalui sistem perbankan dan institusi kewangan. Laman sesawang ini ditulis untuk mendedahkan kepada orang awam tentang kepentingan memahami ilmu pelaburan dengan baik.

Akhir sekali, menurut Muhd Farhan (2020). Terdapat laman sesawang dicipta khas berkenaan pelaburan islam. Pakar pelaburan seperti Tuan Haji Mohd Asri Ahmad dan Warren Buffet, banyak usaha-usaha yang dilakukan oleh pakar pelaburan dengan mewujudkan kelas, seminar, laman web, perkongsian melalui media sosial dan pelbagai lagi medium digunakan bagi mendidik orang awam dalam memahami dan juga mengetahui selok-belok dunia pelaburan. Pelaburan memberi banyak faedah kepada pengguna dana pelaburan secara khusus dan juga masyarakat secara umum. Di samping itu, ia juga memberi keuntungan kepada para pelabur itu sendiri, sama ada sebagai individu atau organisasi seperti syarikat dan perbadanan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN


Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan nota ringkas pelaburan islam menggunakan sistem laman sesawang sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk laman sesawang tentang nota ringkas pelaburan islam dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal *survey* juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, borang soal selidik *Google Form* turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data. Melalui kajian selidik ini ia dapat memudahkan pihak pengkaji membuat kesimpulan berdasarkan masalah yang dihadapi oleh pelajar perbankan islam.


3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 100 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui borang soal selidik *Google Form*. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.




Rajah 3.2.1.2 : Carta Pie mengenai jantina dan semester

Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada 56.6% responden perempuan dan 43.4% responden lelaki dari pelajar diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Daripada perangkaan ini, kita dapat membuat gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Hal ini kerana jumlah pelajar memang tidak seimbang antara jantina. Agak sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama dari segi bilangan mengikut jantina. Rajah dibawah menunjukkan semester responden. Bagi carta pie berwarna biru, sebanyak 17% adalah dari semester 1. Manakala bagi responden berwarna merah pula mereka adalah responden semester 2 iaitu sebanyak 17% dan responden yang berwarna jingga pula adalah dari responden semester 3 dengan peratus sebanyak 19.8%. Seterusnya adalah carta pie berwarna hijau yang terdiri daripada responden semester 4 sebanyak 17% dan yang terakhir ialah berwarna ungu iaitu semester 5 dengan jumlah peratusan 29.2%.



Rajah 3.2.1.3 : Graf bar horizontal Pelaburan Islam

Seterusnya, hasil soal selidik menunjukkan pengetahuan responden bagi mengenai Pelaburan Islam. Rajah di bawah menunjukkan sebanyak 85.8% (91 orang) menjawab ya mengenai pengetahuan mereka dalam pelaburan islam dan baki selebihnya iaitu 15.1% (16 orang) adalah tidak mengetahui tentang Pelaburan Islam. Walaupun begitu, pengetahuan mereka tentang subjek Pelaburan Islam amat tidak memuaskan.



Rajah 3.2.1.4 : Graf bar horizontal kepentingan Pelaburan Islam masa hadapan

Manakala dalam rajah 3.2.1.4, dari segi kepentingan pelaburan Islam untuk masa hadapan adalah bertujuan mengetahui responden berminat untuk mengetahui tentang pelaburan islam. Hanya 0.9% (1 orang) yang merasakan pelaburan islam ini tidak penting untuk masa hadapannya dan sebanyak 99.1% (105 orang) merasakan pelaburan islam ini penting untuk masa depan mereka. Golongan yang mendapati bahawa pelaburan islam ini penting untuk masa hadapan adalah kebanyakan mereka sedar akan kepentingan dan kelebihan melabur berlandaskan syariah iaitu mengikut Al-Quran dan As-sunnah.



Rajah 3.2.1.5 : Graf bar horizontal kemudahan mencari nota pelaburan Islam dilaman sesawang

Dalam rajah 3.2.1.5, menunjukkan bahawa 76.4% (81 orang) responden menjawab mudah untuk mencari nota tentang Pelaburan Islam di laman sesawang manakala seramai 25.5% (27 orang) menjawab tidak mudah untuk mencari nota Pelaburan Islam di laman sesawang. Hasil tersebut menunjukkan terhadap sebilangan kecil responden menyatakan pencarian nota di laman sesawang adalah sukar. Pelajar perlukan satu laman sesawang yang baru dalam kehidupan mereka dan sedikit sebanyak dapat mencari nota yang diperlukan dan tidak lagi menganggapkan bahawa subjek ini susah dan sukar difahami.



Rajah 3.2.1.6 : Carta pie sumber rujukan pelaburan Islam

Rajah 3.2.1.6 menunjukkan sumber rujukan yang memudahkan responden mencari tentang pelaburan islam. Didapati majoriti responden mengatakan “Google” iaitu 76.4% mengatakan bahawa “google” sebagai sumber rujukan mereka manakala 19.8% mengatakan sumber rujukan mereka adalah daripada buku rujukan. Selebihnya adalah lain-lain iaitu sumber rujukan mereka adalah pensyarah dan majalah. Semua respon yang diterima amat berguna untuk pengkaji mencipta produk yang dihasilkan. Proses implementasi ini amat penting dijalankan kerana ia dapat menghasilkan produk yang mantap.


3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolehgunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi

menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakanannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam.

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.



Rajah 3.2.2.1 : Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Penerangan proses di dalam gambar pengkaji mengadakan perbincangan secara atas talian tentang rangka penghasilan laman sesawang.

Langkah 2

Pengkaji mengumpul maklumat mengenai pengetahuan Pelaburan islam dengan mengagihkan borang selidik melalui atas talian iaitu platform *Google Form* kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

The screenshot shows a survey interface with three questions:


- Adakah anda mengetahui tentang Pelaburan Islam?**
 - Ya
 - Tidak
- Adakah Pelaburan Islam penting untuk masa hadapan anda ?**
 - Ya
 - Tidak
- Adakah mudah untuk anda mencari nota tentang Pelaburan Islam di laman sesawang ?**
 - Ya
 - Tidak

Rajah 3.2.2.2 : Borang soal selidik

Pengkaji menyatakan beberapa soalan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai tahap pemahaman dan penguasaan tentang pelaburan islam dari semester satu sehingga semester lima.

Langkah 3


Pengkaji melakukan proses pencarian dan mengumpul maklumat mengenai pelaburan islam.




Rajah 3.2.2.3 : Pengumpulan maklumat

Langkah 4

Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji membuat pembahagian tugas dan perbincangan lakaran rangka laman sesawang menggunakan laman web <https://www.renderforest.com>.



Rajah 3.2.2.4 : Rangka laman sesawang



Rajah 3.2.2.5 : Pembahagian tugas

Langkah 5

Setelah langkah 4 dilakukan, pengkaji mencari maklumat tambahan nota di laman sesawang dan meneruskan penulisan.



Rajah 3.2.2.6 : Penambahan nota

Langkah 6

Akhir sekali, pengkaji menyebarkan link laman sesawang kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.



Rajah 3.2.2.7: Produk inovasi

3.2.2 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem laman sesawang seperti jadual di bawah :

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer Peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data.
2.	Telefon bimbit	Digunakan untuk mengumpul maklumat tentang nota pelaburan.
3.	Wifi	Digunakan untuk mengakses internet dengan lebih pantas.

3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan seterusnya diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (strengths, weaknesses, opportunities, threats). Melalui kaedah analisa ini ia dapat membantu pihak pengkaji menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai maklumat pelaburan islam. selain daripada itu kaedah ini dapat memudahkan pelajar kursus kewangan dan perbankkan islam mengulangkaji dan mendapat pengetahuan lebih mengenai pelaburan islam.

Pihak pengkaji memilih kaedah analisis SWOT kerana Penerangan tentang SWOT dapat memberikan kebaikan kepada pihak pengkaji dari segi kemudahan dan kelebihan. Di samping itu juga, pihak pengkaji dapat mengetahui kekuatan, kelemahan projek yang dibina serta punca ancaman serta peluang yang diberi.

<ul style="list-style-type: none"> Strengths (Kekuatan) <ol style="list-style-type: none"> Mudah untuk mengakses laman sesawang. Mengandungi nota ringkas terkini mengenai subjek Pelaburan Islam. Menjimatkan masa pencarian. Tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> Weakness (Kelemahan) <ol style="list-style-type: none"> Sambungan internet yang lemah. Risiko untuk digodam.
<ul style="list-style-type: none"> Opportunities (Peluang) <ol style="list-style-type: none"> Penghasilan nota yang menarik dan tersusun. Menarik perhatian pelajar untuk belajar subjek Pelaburan Islam. 	<ul style="list-style-type: none"> Threats (Ancaman) <ol style="list-style-type: none"> Laman sesawang pesaing yang lebih canggih. Kurang kepekaan mencipta nota sendiri

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincarkan mengenai hasil dapatan kajian/pengujian, perbincangan keberkesanan serta analisis SWOT berkaitan dengan kajian produk inovasi laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan produk yang dijalankan setelah inovasi dihasilkan.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

Produk pengkaji iaitu laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam.

Analisis SWOT

Terdapat beberapa kekuatan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam antaranya ialah mudah untuk diakses dimana sahaja dengan menggunakan komputer riba atau telefon pintar dan hanya memerlukan rangkaian data yang laju. Dengan adanya produk inovasi ini pelajar hanya perlu melayari laman sesawang untuk mempercepatkan proses pencarian. Hal ini dapat menjimatkan masa pencarian pelajar. Selain itu, produk inovasi ini juga mengandungi nota ringkas terkini mengenai subjek Pelaburan Islam. Oleh itu, pelajar tidak perlu bersusah payah untuk mencari maklumat di Perpustakaan atau membeli buku rujukan di Kedai Buku kerana produk inovasi ini telah mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh pihak politeknik. Pada waktu yang sama, pihak pengkaji tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk menanggung perbelanjaan bagi mengedarkan nota ringkas ini.

Seterusnya, pihak pengkaji tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk menanggung perbelanjaan bagi mengedarkan nota ringkas ini. Seterusnya, pengkaji mendapati terdapat beberapa kelemahan laman sesawang antaranya ialah pelajar perlu menggunakan rangkaian data yang stabil untuk mengakses laman sesawang tersbut. Oleh itu, pelajar mungkin akan mengalami masalah untuk meneruskan pencarian dan sukar untuk mengakses laman

sesawang tersebut. Tambahan pula, lebih sukar bagi pelajar yang menetap dikawasan pedalaman yang rangkaian internet yang lemah. Lain daripada itu, risiko untuk laman sesawang ini digodam adalah sangat tinggi dan perlu dititik beratkan tentang sekuriti dengan melindungi privasi pautan laman web daripada dicerobohi oleh pihak pengodam.

Di samping itu, terdapat juga peluang dalam produk inovasi ini antaranya ialah penghasilan nota yang menarik dan tersusun agar pelajar tidak merasakan bosan dan jemu untuk membuat ulangkaji. Laman sesawang yang kreatif juga dapat menarik perhatian pelajar. Dengan adanya nota sebegini pelajar akan lebih berminat untuk mengetahui serta memahami tentang subjek Pelaburan Islam. Dalam pada itu, laman sesawang ini juga dapat menyerapkan nilai positif seperti sifat ingin tahu dalam pelajar untuk mempelajari subjek ini.

Akhir sekali, ancaman yang terdapat dalam laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam ini ialah mempunyai persaingan laman sesawang yang lebih canggih serta berteknologi tinggi dan sikap sebilangan kecil pelajar yang kurang peka dan kreatif untuk mencipta nota mereka sendiri. Hal ini menyebabkan para pelajar mengenepikan dan kurang berminat untuk memberi perhatian kepada subjek Pelaburan Islam.

Analisis Keberkesanan Produk

Analisi keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 30 responden. Sebanyak 4 item soalan telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam

Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Adakah nota ini mudah diakses oleh pelajar?	0 0%	0 0%	17 56.7%	13 43.3%
2.	Adakah nota ini mudah difahami oleh pelajar?	0 0%	0 0%	15 50%	15 50%
3.	Adakah nota ini dapat membantu pelajar ketika	0 0%	0 0%	10 33.3%	20 66.7%

	mengulangkaji?				
4.	Adakah nota ini dapat membantu menambah pengetahuan pelajar?	0 0%	0 0%	16 53.3%	14 46.7%

Hasil maklum balas daripada responden, pengkaji mendapati sebanyak 13 orang responden sangat setuju tentang kemudahan untuk pelajar mengakses laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam yang dicipta oleh pengkaji. Seterusnya, sebanyak 15 orang responden setuju menyatakan bahawa produk inovasi pengkaji mudah difahami dengan jelas. Di samping itu, terdapat 20 orang responden sangat setuju bahawa nota ringkas ini dapat membantu responden ketika mengulangkaji. Akhir sekali, seramai 16 orang responden setuju dengan produk inovasi kerana ia dapat membantu menambah pengetahuan baharu responden.

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Kelebihan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam ini diwujudkan adalah untuk memudahkan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) Politeknik Seberang Perai dalam pencarian nota ringkas berkaitan dengan subjek Pelaburan Islam. Antara kelebihan membangunkan produk inovasi ini ialah produk yang mudah diakses serta mudah untuk diubah suai. Hal ini kerana, sekiranya pengkaji mempunyai tambahan maklumat, pengkaji boleh terus menambah maklumat pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, pihak pengkaji juga dapat membantu pelajar dengan cara menyediakan nota yang ringkas dan padat.

Seterusnya, kekurangan ketika membangunkan produk inovasi ini ialah pengkaji kurang mahir dalam penyediaan laman sesawang. Hal ini menyukarkan pihak pengkaji untuk menyiapkan laman sesawang ini dengan cepat. Di samping itu, berlakunya pencerobohan pautan laman sesawang oleh individu yang tidak dikenali dengan tujuan yang tidak baik.

Akhir sekali, masalah ketika membangunkan produk ini ialahkekangan masa yang dihadapi oleh pihak pengkaji. Ini disebabkan oleh pihak pengkaji mempunyai masa yang terhad untuk

menyiapkan laman sesawang. Selain itu, kesukaran untuk berbincang secara bersemuka akibat pandemik covid-19 yang menyebabkan pihak pengkaji perlu untuk tinggal berasingan.

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Impak produk terhadap kos ialah menjimatkan kos pembelanjaan pelajar Kewangan dan Perbankan Islam. Hal ini disebabkan oleh pelajar tidak perlu untuk mengeluarkan wang untuk membeli buku atau bahan berkaitan dengan Pelaburan Islam, tetapi mereka hanya perlu mempunyai rangkaian internet yang kuat untuk melayari laman sesawang tersebut.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam ini telah membantu ke arah penjimatan masa pelajar DIB dengan hanya melayari laman sesawang kerana pengkaji telah menyediakan nota-nota ringkas yang padat dan menarik serta mengikut silibus terkini politeknik. Jadi, pelajar tidak perlu ke tempat lain seperti perpustakaan untuk mencari bahan rujukan.

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan laman sesawang nota ringkas ini dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pihak pelajar mahupun ahli akademik hal ini kerana produk laman sesawang nota ringkas ini amat mudah dilayari dan dicari dengan menggunakan rangkaian internet sahaja.

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses penghasilan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam.

Jadual 4.3:

BIL	BUTIRAN	KOS (RM)
1.	Internet (wifi / data)	50
2.	Penghasilan laman sesawang	150

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk lama sesawang nota ringkas yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu ketidak fahaman mengenai subjek Pelaburan Islam. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam, pengkaji menyatakan bahawa objektif kajian ini telah tercapai.

Dalam proses pembangunan produk inovatif semasa, pengkaji telah menghuraikan konsep produk inovasi mengenai pelaburan Islam. Penerangan proses ini merujuk kepada konsep produk inovasi iaitu nota ringkas tentang pelaburan Islam secara terperinci dalam konteks yang lebih mudah difahami oleh pelajar. Selain itu, pengkaji turut menjalankan proses penghasilan produk inovasi iaitu laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam. Proses penghasilan produk inovasi laman sesawang adalah menggunakan renderforest, yang merupakan asas utama penyediaan produk inovasi ini. Di laman sesawang, ia mengandungi penerangan ringkas tentang pelaburan Islam.

Hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan, pengkaji mendapati bahawa maklum balas yang diperoleh daripada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dari semester 1 hingga semester 5 menunjukkan tahap keberkesanan yang sangat baik. Mereka menyatakan bahawa mereka mudah memperoleh dan memahami nota ringkas Pelaburan Islam menerusi produk inovasi ini.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (responden utama kajian) dan pihak akademik.

5.3.1 Cadangan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (responden utama kajian)

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji menyarankan agar hasil kajian ini dijadikan sebagai sumber rujukan utama bagi kurangnya kefahaman tentang Pelaburan Islam dalam subjek ini. Sehubungan dengan itu, pelajar boleh menggunakan nota ini sebagai panduan untuk mengetahui secara lebih dalam tentang Pelaburan Islam.

5.3.2 Cadangan kepada pihak akademik

Hasil daripada kajian ini, pengkaji menyarankan agar warga akademik terus menjalankan kajian tentang kurangnya kefahaman ilmu Pelaburan Islam. Oleh itu, ia dapat memperbaiki kekurangan yang ada dan mengembangkan lagi perkara ini sebagai rujukan. Akhir sekali, pihak pengkaji berharap agar dapat menghasilkan laman sesawang yang lebih baik dan sesuai dengan konsep pembelajaran yang terkini.

5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang

Hasil daripada produk ini, pihak pengkaji ingin mencadangkan untuk pengkaji pada masa akan datang menerangkan dengan lebih terperinci dan menyediakan pelbagai jenis platform nota tentang Pelaburan Islam dengan lebih kreatif. Selain itu, pihak pengkaji mengesyorkan agar platform ini dikembangkan dan tidak hanya difokuskan kepada pelajar politeknik sahaja.

5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam sahaja. Skop projek ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar seperti pelajar Kewangan dan Perbankan Islam dari semester 1 sehingga semester 5. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan penggunaan laman sesawang antaranya ialah pihak pengkaji sukar untuk

berbincang secara bersemuka dan kurang pengetahuan yang mendalam tentang teknologi maklumat.

Seterusnya, kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di tempat-tempat yang lebih luas dalam mencapai objektif kajian yang pengkaji jalankan.

5.5 RUMUSAN

Pengkaji membuat kesimpulan secara amnya bahawa matlamat yang ditetapkan mencapai tahap yang memuaskan. Natijahnya, terdapat cabaran dalam penghasilan laman sesawang, dan perlu mengekalkan peranan penting bagi menentukan kejayaan penghasilan laman sesawang berkenaan. Pengguna dan pengkritik harus meneroka perkara ini dengan lebih mendalam mengenai subjek ini. Walau bagaimanapun, laman sesawang ini dapat memenuhi keperluan pelajar yang mempelajari Pelaburan Islam, kerana satu penyelidikan memerlukan konsep kefahaman pembelajaran yang berkesan dan menyeluruh tentang subjek Pelaburan Islam. Penyelidikan ini membuktikan bahawa laman sesawang nota ringkas Pelaburan Islam yang berjaya mencapai era kemakmuran teknologi dan boleh memberi kesan yang positif kepada pembelajaran pelajar secara keseluruhannya.

RUJUKAN

5 Jenis Pelaburan Patuh Shariah Di Malaysia IQBAL MAT YAAKOB,2021

<https://mypf.my/2021/05/23/5-jenis-pelaburan-patuh-shariah-di-malaysia/>

MUTAKHIR Kurang ilmu pelaburan rugi menanti

<HTTPS://WWW.HMETRO.COM.MY/AMP/MUTAKHIR/2015/11/94881/KURANG-ILMU-PELABURAN-RUGI-MENANTI>

HTTPS://WWW.BURSAMALAYSIA.COM/SITES/5BB54BE15F36CA0AF339077A/SETS/5BB55B8C5F36CA0C38D98C09/AMALAN_TERBAIK_PELABURAN_SYARIAH.PDF

The Shariah Standards consist of two components – the Shariah Standards and the Operational Requirements.

https://www.sacbnm.org/?page_id=3318



Sindiket MLM peralat Islam kelirukan pelajar Ilah
Hafiz Aziz dan Faizatul Farhana Farush Khan

September 19, 2016 @ 12:09am

<https://www.bharian.com.my/amp/kolumnis/2018/11/500856/perkukuh-impak-kewangan-islam>


LAMPIRAN

a) Borang Soal Selidik




Adakah mudah untuk anda mencari nota tentang Pelaburan Islam di laman sesawang ?

106 responses



Sumber rujukan yang memudahkan anda mencari tentang Pelaburan Islam

106 responses



b) Pautan Laman Sesawang

<http://5897869.703064.renderforestsites.com/>

